

Menelusuri Warisan Budaya-Ketara dan Budaya-Tidak-Ketara Etnik Bajau Ubian Di Pantai Timur Sabah

ABSTRACT

Kajian ini melibatkan warisan budaya Etnik Bajau Ubian di Kampung Landung Ayang, dan Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk warisan budaya ketara dan budaya tidak ketara Etnik Bajau Ubian; serta menganalisis cabaran untuk mengekalkan dan mengkaji usaha-usaha dalam mempromosikan warisan budaya ketara dan budaya tidak ketara Etnik Bajau Ubian kepada masyarakat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif secara temubual dan pemerhatian di lapangan yang melibatkan lapan orang informan termasuk pihak pemegang taruh (stakeholders) serta para informan di kawasan lapangan. Dapatan kajian menunjukkan warisan budaya ketara yang dimiliki oleh Etnik Bajau Ubian seperti peralatan muzik, pakaian tradisional, dan perhiasan, didapati mengalami 'kehilangan' oleh etnik tersebut. Manakala warisan budaya tidak ketara seperti adat istiadat perkahwinan, adat resam, dan nyanyian, pula didapati mempunyai faktor atau unsur percampuran aduk dengan pengaruh moden pada masa kini. Kesimpulannya, walaupun perubahan berlaku terhadap warisan budaya ketara dan budaya tidak ketara dalam kalangan Etnik Bajau Ubian di lokasi kajian, namun masih terdapat usaha-usaha yang dilakukan oleh segelintir penduduk dalam mengekalkan dan memelihara warisan budaya etnik tersebut agar tidak luput ditelan zaman serta amat penting bagi generasi akan datang dapat mengetahui dan mempelajari tentang warisan budaya etnik Bajau Ubian.